

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

2,500 guru enggan divaksin tanpa alasan kesihatan

Dari Muka 1

Selain itu, katanya, Kementerian Pendidikan (KPM) sedang meneliti jenis tindakan susulan akan dikenakan terhadap kumpulan guru berkenaan, mengikut konteks peraturan dan tatacara perkhidmatan awam.

Beliau berkata, pihaknya ketika ini, bagaimanapun belum memuktamadkan sebarang jenis tindakan terhadap kumpulan guru berkenaan.

Berdasarkan rekod KPM, kira-kira 2,500 guru dikenal pasti enggan divaksin tanpa alasan kesihatan. Angka ini selepas kita tolak jumlah guru yang belum boleh divaksin atas alasan kesihatan.

"Secara umumnya, mereka (guru enggan divaksin tanpa alasan kesihatan) juga tidak akan dibenarkan mengajar secara bersempua di kelas, selain perlu membuat tugas yang akan ditentukan kemandian," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media bersama Menteri

Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein di Wisma Pertahanan, dekat sini, semalam.

Mengenai cadangan memindahkan guru enggan divaksinasi ke sekolah berisiko rendah, Mohd Radzi berkata, pihaknya sedang meneliti pendekatan terbaik bagi memastikan keselamatan semua pihak, khususnya murid.

"Jumlah guru enggan divaksin ini hanya 2,500 daripada keseluruhan 500,000 guru dalam ekosistem KPM. Ia sedikit, namun kita sedang teliti pendekatan terbaik bagi memastikan keselamatan murid khususnya.

"Kita juga akan umumkan kalau ada perkembangan terbaru mengenai keputusan berkaitan saringan berkala ke atas guru ini.

"Bagi program vaksinasi remaja berusia 12 hingga 17 tahun pulak, ia baru mula dilaksanakan dan saya rasa insya-Allah Kementerian Kesihatan (KKM) akan membuat tugas yang akan ditentukan kemandian," katanya.

sinkan," katanya.

Sementara itu, Radhi menegaskan, keputusan pembukaan semula sesi persekolahan secara bersempua dibuat selepas mengambil kira aspek kebaikan serta perilihan ke fasa endemik seperti dinyatakan KKM.

Beliau berkata, keseluruhan murid datang daripada pelbagai latar belakang, selain sudah renggang dengan institusi sekolah secara bersempua bagi tempoh yang agak lama iaitu sejak Mei lalu.

"Kita boleh memilih tidak membuka sekolah dan ia jalan paing mudah. Namun hakikatnya, kita ada lima juta murid daripada pelbagai latar belakang dan renggang dengan sekolah untuk tempon panjang, mulai Mei lalu.

"Kita khuatir ia akan memberi gambaran kepada murid bahawa mereka tidak akan kembali men-

jalani sesi persekolahan secara bersempua.

"Pembukaan secara berperingkat ini juga sekurang-kurangnya memberi gambaran baharu selarai perilihan ke fasa endemik seperti dinyatakan KKM.

"Katakanlah kalau kita ambil keputusan untuk menutup sekolah hingga tahun depan, maka dalam pemikiran mereka (murid) persekolahan bersemua tak berlangsung hingga 2022," katanya.

Sementara itu, Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), Aminuddin Awang,

berkata dasar pengasingan guru yang enggan divaksin dengan warga sekolah yang diputuskan KPM itu, tidak bertentangan dengan sebarang peraturan.

Beliau juga menyifatkan dasar berkenaan sebagai langkah tepat

kerana KPM tidak boleh merisikokan mana-mana pihak di sekolah hanya kerana keengganan segerintir guru untuk divaksinasi.

"Bidang tugas guru akan ditegakkan KPM, manakala pengetua atau guru besar akan menetapkan skop kerja mereka.

"Paling penting kehadiran keadaan dan ia tertakluk kepada ketua jabatan masing-masing dan dalam suasana kita mengajar pun tak boleh pilih kelas kerana ia ditentukan pengetua atau guru besar," katanya kepada BH, semalam.

Justeru itu, katanya, guru yang enggan divaksin tanpa alasan kesihatan, tidak mempunyai ruang untuk mengemukakan tindakan perundangan, jika dia singkan daripada warga pendidik lain dan murid apabila sesi persekolahan secara bersempua bermula kelak.



Aminuddin Awang

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

Persidangan Peenggal Keempat Parlimen Ke-14

Kaji beri peluang doktor kontrak lanjut pengajian

Jawatankuasa khas ditubuhkan selesaikan isu

Laporan Rohaniza Idris,
Zanariah Abd Mutalib
dan Mohd Nazaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) sedang meneiti untuk memberi peluang kepada doktor kontrak mendapatkan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) bagi melanjutkan pengajian peringkat sarjana.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin berkata, sebelum ini doktor kontrak hanya boleh memohon program *parallel pathway* manakala HLP hanya untuk mereka yang berjawatan tetap.

"Kita mahu memberi kemudahan yang sama kepada doktor kontrak supaya mereka boleh mengikuti pengajian latihan kepakaran di institusi pengajian tinggi (IPTA) tempatan."

"Ini demi masa hadapan mereka dan saya rasa ini adalah perkara yang telah mereka tuntut dan nantikan," katanya di Dewan Rakyat, semalam.

Khairy menjawab soalan Rusnah Aluai (PH-Tangga Batu) mengenai rancangan kerajaan untuk menjamin masa depan doktor kontrak di negara ini.

Katanya, satu jawatankuasa khas telah ditubuhkan pada 20 Ogos lalu untuk melihat perancangan jangka pendek, sederhana dan panjang bagi menyelesaikan isu doktor kontrak.

Jawatankuasa itu katanya, antara lain akan menumpukan soal permohonan peruntukan kepada Kementerian Kewangan untuk HLP, mewujudkan lebih banyak



Ini demi masa hadapan mereka dan saya rasa ini adalah perkara yang telah mereka tuntut dan nantikan .

Khairy Jamaluddin,
Menteri Kesihatan

jawatan tetap dan memeriksa strategi untuk meningkatkan peluang pekerjaan dalam sektor kesihatan awam.

Ibu doktor kontrak mula mendapat perhatian apabila kumpulan itu mengajurkan protes secara aman di seluruh negara Jelai lalu yang antara lain mereka menggesa aspek keselamatan pekerjaan yang lebih baik.

Mengenai kekurangan doktor, Khairy menjelaskan Malaysia tidak menghadapi masalah kekurangan doktor siswazah tetapi berhadapan masalah doktor pakar.

Katanya, ketika ini doktor di KKM adalah 6,183 pada 2019 dan kini selepas dicampur dengan doktor pakar swasta, jumlah keseluruhan adalah 13,000.

"Untuk keperluan 2030, kita memerlukan sekurang-kurangnya 28,000 tenaga pakar. Kekurangan tenaga pakar ini menyebabkan wujud masalah masa mendunggu mendapatkan perkhidmatan doktor pakar di hospital tempatan."

"Justeru, KKM kini mengoptimumkan kemudahan sedia ada dan kita harap Kementerian Kewangan dapat menyediakan peruntukan khusus untuk latihan doktor pakar ini bagi menyediakan lebih ramai tenaga pakar untuk 10 tahun akan datang."

"Keperluan pakar ini juga penting berikutnya pertambahan pesakit bagi penyakit tidak berjangkit dan masyarakat kita semakin berusia," katanya.

Menjawab soalan tambahan Ab-

dul Latif Abdul Rahman (PAS-Kuala Krai) kekurangan doktor pakar kerana mereka menyertai sektor swasta yang memberikan tawaran gaji lebih baik, katanya KKM dari semasa ke semasa meningkatkan eluan kepadaan perkhidmatan awam namun memang tidak setanding apa yang ditawarkan di sektor swasta.

Menjawab soalan Rosnah Aluai (PH-Tangga Batu) pula, Khairy berkata peningkatan mendadak graduan perubatan sejak 2016 menyebabkan wujud masalah melantik mereka dengan jawatan tetap dalam perkhidmatan awam.

Katanya, antara 2009 hingga 2015, jumlah graduan perubatan hanya sekitar 3,000 setahun, tetapi meningkat kepada 5,000 hingga 6,000 orang setiap tahun sejak 2016.

"Berdasarkan perkembangan itu, kerajaan pada 13 Oktober 2016 telah memutuskan supaya graduan perubatan ditawarkan pelantikan secara kontrak bagi menjalani latihan siswazah dan melengkapkan khidmat wajib selaras dengan obligasi di bawah Akta Perubatan 1971."

"Namun berikutnya pelaksanaan Dasar Kawalan Saiz Perkhidmatan Awam dan kawalan perbelanjaan kewangan secara berhemah, bukan semua graduan perubatan yang melengkapkan latihan siswazah dapat dilantik secara tetap disebabkan perjawatan yang terhad," katanya.

Khairy berkata, buat masa ini, pegawai perubatan lantikan kon-

trak diberi emolument yang setara dengan pegawai lantikan tetap.

Katanya, daripada aspek pembenaran kemudahan lain seperti kemudahan cuti, perubatan, kuarters, pinjaman kenderaan dan komputer, perkara ini diberi berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa.

"Selain itu, pegawai perubatan lantikan kontrak turut mendapat kemudahan cuti seperti cuti rehat, cuti sakit, cuti haji, cuti bersalin, cuti tanpa rekod isteri bersalin, cuti tanpa rekod kematian ahli keluarga terdekat dan cuti tanpa rekod perayaan."

"Pegawai Perubatan lantikan kontrak juga telah dipanjangkan kemudahan rawatan perubatan kepada ibu bapa mulai tahun 2016," katanya.

Sementara itu, katanya jumlah Pakar dan pegawai perubatan yang berkhidmat bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kini adalah seramai 55,981 orang.

Daripada jumlah itu, katanya 32,885 orang pegawai lantikan tetap yang merangkumi 26,892 orang pegawai perubatan lantikan tetap dan 5,993 orang pakar perubatan lantikan tetap.

Katanya, seramai 23,096 orang pegawai lantikan kontrak pula merangkumi 23,077 orang pegawai Perubatan lantikan kontrak dan 19 orang pakar perubatan lantikan kontrak.

Berdasarkan rekod KKM, rincian doktor yang telah meletak jawatan sejak tahun 2016 sehingga Jun 2021 adalah seramai 948 orang iaitu 158 orang pada 2016, 170 orang (2017), 198 (2018), 229 (2019), 161 orang (2020) dan 32 orang sehingga Jun lalu.

Katanya, Pegawai Perubatan Lantikan Tetap yang meletakkan jawatan adalah seramai 4,028 orang iaitu 874 orang pada 2016, 869 (2017), 734 (2018), 915 (2019), 534 (2020) dan 102 orang sehingga Jun lalu.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

19,495 jangkitan baharu

Sarawak masih kekal catat kes harian tertinggi

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Noor Atiqah Sulaiman
 bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Jumlah kes jangkitan COVID-19 kembali melebihi angka 19,000 menjadikan jumlah kes seluruh mencecah 2,030,935 kes.

Sarawak melaporkan kes harian tertinggi dengan 4,709 kes, daripada 19,495 kes dilaporkan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata tujuh negeri lain turut mencatatkan pertambahan

kes empat angka.

Selangor mencatatkan 2,710 kes, Sabah (2,015), Johor (1,860), Pulau Pinang (1,757), Kelantan (1,434), Kedah (1,178) dan Perak (1,174).

Selain itu, Terengganu (993), Pahang (766), Kuala Lumpur (363), Negeri Sembilan (222), Melaka (190), Perlis (108) dan Putrajaya (16).

Hanya Labuan tidak melaporkan sebarang kes baru.

Dr Noor Hisham turut memaklumkan penggunaan katil di unit rawatan rapi (ICU) hospital COVID-19 di seluruh negara setakat kelmarin adalah 81 peratus daripada 1,520 katil, manakala katil bukan ICU sebanyak 74 peratus daripada 17,133 katil.

Sementara itu, Menteri Kesi-

hatan, Khairy Jamaluddin, berkata seramai 144 ibu hamil dilaporkan meninggal dunia akibat COVID-19.

Beliau berkata, angka itu adalah daripada 5,636 wanita hamil yang disahkan positif antara Mac hingga Julai 2021.

"Analisis data menunjukkan semua wanita hamil yang meninggal dunia ini belum melengkapkan vaksinasi COVID-19," katanya dalam jawapan bertulis kepada soalan Abdul Latiff

Abdul Rahman (PN-Kuala Krai)

di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata, setakat ini, seramai 152,026 wanita hamil sudah menerima vaksin, menerusi

janji temu yang diberikan menerusi MySejahtera serta kaedah walk-in di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di seluruh negara.

"Walaupun pengesорan pengambilan vaksin COVID-19 oleh wanita hamil adalah selepas kandungan mencapai usia 12 minggu, wanita hamil tidak dihalang untuk menerima pada bila-bila tempoh kehamilan selepas mengambil kira pertimbangan risiko dan manfaat."

"Semua jenis vaksin COVID-19 adalah selamat dan berkesan kepada golongan ini," katanya.

Menjawab soalan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad (PH-Kuala Selangor) mengenai ujian genomik, Khairy berkata, pemilihan sampel klinikal daripada seseorang yang sudah meninggal dunia adalah satu kriteria digunakan untuk menjalankan ujian genomik bagi mengenal pasti jenis virus COVID-19.

5 PPV sedia suntikan tanpa janji temu

Putrajaya: Penduduk di Lembah Klang boleh mendapatkan suntikan vaksin secara walk-in di lima Pusat Pemberian Vaksin (PPV), mulai hari ini hingga 30 September ini.

Lima PPV terbabit adalah Bangi Avenue Convention Centre (BACC), Bangi; Multimedia University (MMU), Cyberjaya; Axiatra Arena, Bukit Jalil; Universiti Kuala Lumpur British Malaysian Institute (UniKL British BMI), Gombak dan HCO B di Ideal Convention Centre (IDCC), Shah Alam.

Langkah itu dibuat melalui satut pendekatan *quick-win* bagi mengoptimumkan sumber, berikutnya jumlah kehadiran走-in yang rendah ketika ini.

Pasukan Petugas Khas Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (CITF) dalam satu kenyataan berkata, had kepada hanya lima jumlah PPV itu adalah selari dengan strategi CITF untuk mengoptimumkan sumber bagi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

"Pelajar institut pengajian tinggi (IPT) di sekitar Lembah Klang juga boleh mendapatkan suntikan vaksin di lima PPV terbabit," katanya.

Setakat ini, 13 PPV masih beroperasi di Lembah Klang, manakala 38 PPV bukan kesihatan sudah ditutup berdasarkan data kadar penduduk Lembah Klang yang masih belum divaksinasi dan kadar kehadiran yang rendah di PPV.

CITF berkata, individu yang menerima dos pertama di PPV yang ditutup di Hulu Selangor



Penduduk di Lembah Klang boleh dapatkan suntikan vaksin secara walk-in mulai hari ini hingga 30 September ini. (Foto hiasan)

dan Kuala Selangor boleh mendapatkan dos kedua secara walk-in di Klinik SP Care Antara Gapi di Laman Gapimas, Seremban; Poliklinik Medi Ihsan di Taman Gaya Merak, Bukit Rotan, Kuala Selangor dan di Poliklinik Medi Ihsan di Taman Makmur, Tanjung Karang.

Selain itu, katanya, kebenaran走-in di negeri lain akan diiteruskan dan orang ramai dinasihatkan untuk mengikuti pengumuman yang dibuat oleh Jabatan Kesihatan Negeri untuk maklumat terkini berhubung inisiatif走-in di negeri masing-masing.

Sementara itu, Jawatankuasa

Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sarawak memutuskan individu dari Semenanjung, Sabah dan Labuan, yang sudah lengkap vaksinasi COVID-19 tidak perlu menjalani kuarantin apabila masuk negeri itu.

Jurucakap JPBN Sarawak bagaimanapun berkata, mereka masih perlu mendapatkan permit polis dan membuat permohonan menerusi EnterSarawak serta mengisi eHealth Declaration Form (eHDF).

"Buktii status 'lengkap vaksinasi' harus disertakan dan kemukakan keputusan RT-PCR NEGATIF yang sah untuk tiga hari sahaja serta lain-lain maklumat

peribadi yang berkaitan," kata dia.

Beliau berkata, kanak-kanak dan remaja bawah 18 tahun yang memasuki Sarawak bersama penjaga yang lengkap vaksinasi juga diberikan pelepasan kuarantin.

Katanya, individu yang belum divaksinasi atau belum lengkap vaksinasi pula, mereka perlu menjalani kuarantin selama 10 hari di hotel kuarantin yang ditetapkan, selain memohon dalam EnterSarawak, mengisi eHealth Declaration Form (eHDF) dan mengemukakan keputusan RT-PCR negatif yang sah untuk tiga hari sahaja.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 28

RUANGAN : NASIONAL

Terengganu cari 74,910 penduduk belum vaksin

Kuala Terengganu: Migrasi kerja di negeri lain mungkin punca Terengganu tidak dapat mengesan 74,910 dewasa yang belum menerima suntikan vaksin COVID-19 bagi membolehkan negeri mencapai tahap imuniti kelompok yang disasarkan.

Menyatakan itu, Menteri Besar, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar, berkata piltaknya sedang mengesan populasi dewasa berkenaan berdasarkan data yang ada, selain memperhalusi data sama bersama agensi berkaitan pada peringkat persekutuan bagi mengelak pertindihan.

"Mengikut injuran penduduk, ada 74,910 penduduk dewasa yang belum mendapat suntikan dan kerjasama semua pihak diperlukan dalam mengesan mereka ini."

"Sehubungan itu, kita meminta penduduk dewasa yang berusia 18 tahun ke atas yang belum mendapatkan suntikan vaksin agar segera mendapatkannya di mana-mana Pusat Penyampaian Vaksin (PPV) berdekatan yang boleh dilakukan secara "walk in" atau panggilan My Sejahtera," katanya menggulung perbahasan pada sidang Dewangan Undangan Negeri (DUN) semalam.

Ahmad Samsuri berkata, setakat ini kadar vaksinasi rendah dikenal pasti di beberapa daerah iaitu Dungun, Setiu dan Besut.

Sehubungan itu, pihak berkuasa berkaitan di daerah berkenaan termasuk pejabat kesihatan daerah, agensi, pejabat daerah dan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) sedang mencari seramai mungkin penerima vaksin.

AKHBAR : BERITA HARIAN**MUKA SURAT : 40****RUANGAN : DUNIA****Penularan COVID-19**

Kematian lebih rendah selepas 2 dos

Statistik di England bukti vaksin mampu lawan, kurangkan korban wabak

London: Kematian akibat COVID-19 individu yang lengkap divaksin lebih rendah berbanding mereka yang masih tidak divaksin atau hanya mendapat satu suntikan.

Laporan itu dikeluarkan Pejabat Statistik Kebangsaan (ONS) England, baru-baru ini.

Daripada 51,000 kematian di England antara Januari hingga Julai lalu, hanya 256 kematian membabitkan penerima vaksin lengkap.

Kebanyakan mereka mempunyai sejarah penyakit kronik.

Angka itu menunjukkan vaksin mampu melawan dan mengurangkan kadar kematian akibat COVID-19, menurut ONS.

Sesetengah kematian selepas divaksin berlaku disebabkan vaksin tidak efektif sepenuhnya dan mengambil masa beberapa minggu selepas dos kedua untuk mem-

bina daya tahan tubuh.

Sebanyak 51,281 kematian COVID-19 antara 2 Januari hingga 2 Julai lalu terdiri daripada mereka yang pernah dijangkiti wabak itu sebelum divaksin.

Itu juga hanya membabitkan 640 individu atau 1.2 peratus daripada jumlah keseluruhan kajian.

Sebanyak 458 kematian pula membabitkan individu yang sudah 21 hari menerima suntikan kedua.

Selain itu, 0.5 peratus pula adalah mereka yang sudah lengkap divaksin, namun ujian saringan mendapati individu itu positif dalam tempoh 14 hari selepas dos kedua.

AGENSI



Daripada 51,000 korban COVID-19 di England antara Januari hingga Julai lalu, hanya 256 babitkan penerima vaksin lengkap.

(Foto hiasan)

AKHBAR : KOSMO**MUKA SURAT : 4****RUANGAN : NEGARA**

Hanya individu berusia tujuh tahun ke atas yang didapati negatif dibenar ke Langkawi

Pelancong wajib buat ujian saringan


Oleh NOR IDAYU BOSRO

PUTRAJAYA – Kerajaan memutuskan untuk mewajibkan setiap pelancong yang akan bercuti ke Pulau Langkawi bermula hari ini untuk menjalani ujian pengesanan Covid-19 sebelum memulakan perjalanan masing-masing.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, ujian pengesanan itu akan dilakukan ke atas individu dewasa berusia 18 tahun ke atas serta remaja dan kanak-kanak berusia 7 hingga 17 tahun.

"Bagi kanak-kanak berusia 6 tahun dan ke bawah, hanya saringan gejala akan dilakukan mengambil kira keupayaan mereka untuk mengeluarkan saliva (air liur).

"Kumpulan kanak-kanak ini mestи bersama ibu bapa atau penjaga yang telah lengkap vaksinasi, bukan kes positif atau kontak rapat kepada kes positif dan hendaklah mematuhi prosedur operasi standard yang ditetapkan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.



SEORANG pembantu gerai makan di Pantai Chenang, Langkawi mula bersedia untuk menerima pelanggan.

– SHAHIR NOORDIN

taan di sini semalam.

Khairy Jamaluddin berkata, ujian pengesanan Covid-19 yang dijalankan di lapangan terbang dan terminal feri terlibat akan dipantau dan disahkan oleh anggota kesihatan bertugas.

"Bagi mereka yang didapati negatif, mereka dibenarkan untuk meneruskan perjalanan.

"Individu yang didapati positif Covid-19, mereka tidak dibenarkan untuk meneruskan perjalanan dan akan diuruskan sebagaimana SOP pengurusan kes positif dan kontak rapat sedia ada," katanya.

Sebelum ini, Menteri Pelancongan, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, saringan Covid-19 tidak diwajibkan kepada semua pelancong yang akan mengunjungi pulau itu.

Bagaimanapun Ahli Parlimen Langkawi, Tun Dr. Mahathir Mohamad mengesyorkan supaya mewajibkan ujian saringan Covid-19 di pintu masuk ke Langkawi sebagai langkah berjaga-jaga penularan virus tersebut.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NEGARA

Malaysia kekurangan doktor pakar bukan doktor siswazah



KERAJANAN memberi kemudahan kepada doktor kontrak melanjutkan pengajian kepakaran di universiti tempatan. — GAMBAR HIASAN

KUALA LUMPUR — Malaysians tidak mengalami masalah kekurangan bilangan doktor siswazah sebaliknya sedang berhadapan dengan kekurangan doktor pakar.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, keadaan itu yang menyumbulkan isu berhubung tempoh menunggu sebelum pesakit dapat bertemu doktor pakar.

"Untuk makluman, kita tidak kekurangan doktor swasta, tetapi apa yang kita perlukan sekarang ini adalah pakar. Pakar sedia ada dalam Kementerian Kesihatan (KKM) seramai 6,183 pada 2019.

"Sekarang ini dicampur dengan swasta lebih kurang 13,000. Keperluan kita untuk tahun 2030

adalah 28,000. Jni antara menjadi masalah tempoh menunggu untuk jumpa pakar," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan Rusnah Aluai (PH-Tannga Batu) berkeraan rancangan KKM untuk menjamin masa depan doktor kontrak.

Khairy Jamaluddin berkata, antara langkah untuk menangani kekurangan doktor pakar termasuk kerajaan memberi kemudahan sama-sama kepada doktor kontrak untuk melanjutkan pengajian kepakaran.

Menurutnya, kemudahan itu melibatkan kebenaran untuk doktor kontrak memohon Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) iaitu

biasiswa penuh daripada KKM untuk doktor melanjutkan pengajian peringkat sarjana bagi pengkhususan di universiti tempatan.

Katanya, usaha itu bagaimanapun memerlukan komitmen Kementerian Kewangan supaya dapat melatih doktor menjadi pakar untuk memenuhi keperluan negara bagi tempoh 10 tahun akan datang.

"Dalam 10 tahun akan datang bebanan kesihatan akan meningkat disebabkan masyarakat semakin menua dan semakin tinggi insiden penyakit tidak berjangkit.

"Ini memerlukan jumlah doktor pakar yang tinggi yang kita perlu latih dari sekarang," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 9
 RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Pelancong ke Langkawi wajib jalani saringan

Perlu buat ujian Covid-19 48 jam sebelum tarikh berlepas

KUALA LUMPUR

Setiap pelancong yang akan bercuti di Pulau Langkawi, Kedah diwajibkan menjalani ujian saringan Covid-19 sebelum memulakan perjalanan mereka bermula hari ini, kata Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar.

"Ujian pengesahan itu perlu dilakukan ke atas individu dewasa (18 tahun ke atas) serta remaja dan kanak-kanak berusia tujuh hingga 17 tahun."

"Bagi kanak-kanak berusia enam tahun dan ke bawah, hanya saringan gejala perlu dilakukan mengambil kira

keupayaan mereka untuk mengeluarkan saliva.

"Kumpulan kanak-kanak ini mestи bersama ibu bapa atau penjaga yang telah lengkap vaksinasi, bukan kes positif atau kontak rapat kepada kes positif, dan hendaklah mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Beliau berkata, mereka yang terlibat boleh menjalani ujian saringan sama ada menggunakan RT-PCR atau RTK-Antigen di mana-mana fasiliti kesihatan dan makmal swasta atau menggunakan kit ujian kendiri saliva yang dibeli sendiri.

Khairy berkata, untuk RT-PCR dan RTK-Antigen, individu perlu melakukannya dalam tempoh 48 jam sebelum tarikh berlepas dan keputusan



KHAIRY

an ujian hendaklah dibawa bersama untuk pemeriksaan di pintu masuk iaitu lapangan terbang atau terminal feri sebelum berlepas.

"Selain itu, pelancong boleh membeli kit ujian kendiri saliva dan membawanya ke lapangan terbang atau terminal feri untuk menjalani ujian pengesahan Covid-19 di tempat saringan yang disediakan.

"Atau pun pelancong boleh membeli kit ujian kendiri saliva melalui perkhidmatan yang akan disediakan oleh pihak swasta di tempat saringan di lapangan terbang atau terminal feri dan menjalani ujian pengesahan di situ," kata Khairy. - Bernama

Korban Covid-19 kini 21,587, 4,066 kes BID

PUTRAJAYA - Terdapat 463 kematian berkaitan Covid-19 dilaporkan, menurut laman sesawang CovidNow yang dikemas kini pada jam 11.59 malam Selasa.

Bagaimanapun, daripada jumlah itu, hanya tiga kematian sebenar dicatatkan dengan putera kematian dalam tempoh tujuh hari ialah 104 kes.

"Jumlah 108 kes merupakan kematian di luar fasiliti kesihatan (BID), menjadikan jumlah keseluruhan BID sebanyak 4,066 kes," menurut data dalam laman sesawang terbabit.

Berdasarkan graf yang dipaparkan, rata-rata kes kematian sebenar di semua negeri menunjukkan penurunan.

Bagi tempoh sama, seramai 17,653,079 individu telah lengkap suntikan dos vaksin termasuk penerima dos tunggal dan 21,649,228 orang menerima sekurang-kurangnya satu dos.

Jumlah dos yang diberikan pada Selasa ialah sebanyak 243,971 dengan 71,658 individu menerima suntikan pertama manakala 172,313 penerima dos kedua.

MENDEPANI KRISIS
COVID-19:
APA TINDAKAN
KITA?

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

PM umum lebih banyak kelonggaran SOP

Antaranya taska, kolam memancing dibenarkan di negeri fasa 1 dan 2

Oleh NAZRIN ZULKAFLI

SHAH ALAM

M esyuarat Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik bersetuju untuk memberi kelonggaran prosedur operasi standard (SOP) kepada beberapa sektor.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, antara sektor terlibat adalah sektor pendidikan, rekreasi, sosial dan pekerjaan atau ekonomi.

Menurutnya, pengoperasian Institut Latihan Sektor Pengangkutan Udara dan Darat telah dibenarkan di negeri fasa dua Pelan Pemulihran Negara (PPN).

"Tabika, taska, tadika, pusat jagaan harian dan pusat perkembangan minda dibenarkan beroperasi bagi anak-anak yang ibu bapa mereka bekerja di negeri fasa satu dan dua," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Selain itu, Ismail Sabri berkata,

kelonggaran baharu bagi sektor rekreasi di negeri fasa satu dan fasa dua adalah kebenaran melibatkan aktiviti kolam memancing dengan mematuhi syarat vaksinasi lengkap.

Bagi sektor sosial di negeri fasa dua dan tiga PPN pula, Ismail Sabri berkata, aktiviti sukan dan rekreasi bersentuhan fizikal melibatkan pengoperasian an fasiliti sukan serta rekreasi terbuka dan tertutup dibenarkan.

Beigutpun, jelasnya, ia hendaklah dibenarkan kepada individu yang lengkap divaksin dan dilakukan secara tempahan, sanitasi, penjadualan penggunaan dan pemantauan rapi.

Perdana Menteri berkata, aktiviti ziarah cubur Islam dibenarkan dengan mengikut ketetapan pihak berkuasa agama negeri manakala bagi cubur selain Islam dibenarkan dengan mengikut ketetapan Kementerian Perpaduan Negara.

Tambahnya, kapal persiaran



ISMAIL SABRI

turut dibenarkan beroperasi dengan 50 peratus kapasiti dan semua anak kapal dan penumpang mesti lengkap divaksin.

Katanya, pembekalan mineral dan bahan batuan termasuk pasir serta pergerakan dari tenemen mineral kuari atau tapak pengorekan ke premis atau tapak projek pembinaan infrastruktur

awam yang utama dan kerja-kerja pembinaan bangunan serta premis industri atau perkhidmatan perlu dibenarkan.

Sementara itu, beliau berkata, 11 lagi jenis perniagaan kembali beroperasi dengan syarat vaksin lengkap yang telah ditetapkan antaranya kedai barang fotografi atau perkhidmatan fotografi dan kedai barang terpakai.

Bagi negeri fasa dua pula, beliau berkata, semua pejabat swasta dibenarkan beroperasi dengan kapasiti 60 peratus pekerja sekiranya 40 peratus pekerja telah lengkap divaksin; kapasiti 80 peratus pekerja sekiranya 60 peratus pekerja telah lengkap divaksin dan kapasiti 100 peratus pekerja sekiranya 80 peratus pekerja lengkap divaksin.

Selain itu, Ismail Sabri turut mengumumkan peralihan ke fasa tiga PPN bagi negeri Terengganu berkuasa 17 September 2021.

Kes baharu kembali cecah lebih 19,000, Sarawak tertinggi

KUALA LUMPUR

Setelah empat hari berturut-turut menunjukkan penurunan, kes baharu Covid-19 di negara ini kembali meningkat apabila merekodkan sebanyak 19,495 kes pada Rabu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kenaikan sebanyak 3,826 kes berbanding Selasa itu menjadikan jumlah kumulatif kes kini 2,030,935 kes.

Katanya, Sarawak merekodkan kes harian tertinggi dengan 4,709 kes di susuli Selangor (2,710) dan Sabah (2,015).

Lima negeri pula mencatatkan kes baharu me-

**MENDEPANI KRISIS COVID-19:
APA TINDAKAN KITA?**

lebih 1,000 iaitu Johor dengan 1,860 kes, Pulau Pinang (1,757), Kelantan (1,434), Kedah (1,178) dan Perak (1,174).

Negeri-negeri lain merekodkan kes di bawah empat angka adalah Terengganu (993), Pahang (766), Kuala Lumpur (363), Negeri Sembilan (222), Melaka (190), Perlis (108) dan Putrajaya (16) manakala Labuan sifar kes.

Dr Noor Hisham turut memaklumkan penggunaan katil di unit rawatan rapi (ICU) hospital Covid-19 di seluruh negara setakat Selasa adalah 81 peratus - Bernama

Lebih 17 juta populasi negara lengkap vaksin

KUALA LUMPUR - Sebanyak 54.1 peratus atau 17,653,079 individu daripada keseluruhan populasi di negara ini sudah melengkapkan suntikan vaksin Covid-19 setakat Selasa.

Kementerian Kesihatan menerusi perkongsian di <https://covidnow.moh.gov.my> memaklumkan sebanyak 66.3 peratus atau 21,649,228 individu pula telah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin Covid-19.

Bagi vaksinasi harian pula, sebanyak 243,971 dos vaksin diberikan pada Selasa menjadikan keseluruhan dos yang diberikan menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) meningkat kepada 39,234,306 dos. - Bernama

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 24

RUANGAN : NEGERI

Sedia 50,000 dos vaksin untuk SelVax bergerak

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor memperuntukkan 50,000 dos vaksin sempena Program Vaksin Selangor (SelVax) secara bergerak di beberapa kawasan di negeri itu.

Menyertai program itu berkata, program itu bermula sepanjang minggu ini.

"Alhamdulillah, sambutan yang diterima amat menggalakkan dan akan diteruskan," katanya yang memuat naik status di Facebook beliau pada Rabu.

Menurut Amirudin, beberapa golongan layak menerima vaksin secara bergerak bagi memastikan rakyat di Selangor mencapai imuniti kelompok.

"Antara mereka yang menerima

manfaat ialah warga emas, mereka yang masih belum menerima vaksin kerana tidak mempunyai pengangkutan dan warga asing," katanya.

Sebelum ini, Exco Kesihatan Awam, Perpaduan serta Pembangunan Wanita dan Keluarga Selangor, Dr Siti Mariyah Mahmud berkata, kerajaan negeri bersedia menambah dos vaksin sekiranya program berkenaan terus mendapat permintaan.

Beliau berkata, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan ahli Parlimen diminta untuk menjadi tuan rumah serta menyediakan senarai individu yang akan menerima vaksin pada hari program dilaksanakan.



Selangor peruntukkan 50,000 dos vaksin bergerak di beberapa lokasi di negeri itu.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 27

RUANGAN : NEGERI

Suntikan bertujuan tingkatkan tahap imunisasi, jayakan PICK

Oleh HAZELEN
LIANA KAMARUDIN

KOTA BHARU

Remaja di negeri Kelantan yang berusia 12 hingga 17 tahun akan diberikan suntikan dos pertama vaksin Covid-19 pada minggu hadapan.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan, Datuk Dr Zaini Husin berkata, suntikan itu bertujuan meningkatkan tahap imunisasi kelompok dalam kalangan remaja, sekali gus menjayakan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK).

"Suntikan ini akan diberikan berpandu kepada data pelajar yang dibekalkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan.

"Ia termasuk data yang melibatkan pelajar di bawah kelaian Yayasan Islam Kelantan

Golongan remaja divaksin minggu depan

dan institusi pendidikan swasta di seluruh negeri ini," katanya kepada pemberita di Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) di sini pada Rabu.

Dr Zaini sebelum itu menerima sumbangan 14 unit oxygen concentrator daripada Firma Guaman Afiq & Co yang diwakili oleh Afiq Farhan Mohd Hanifa.

Hadir sama, Pengarah HRPZ II, Datuk Dr Selasawati Ghazali.

Menurut Dr Zaini, suntikan kepada pelajar itu akan diberikan menerusi Pusat Pemberian Vaksin (PPV) yang telah diwujudkan kerajaan sebelum ini.

Beliau berkata, pemberian vaksin tersebut dilihat sebagai tindakan tepat bagi memutuskan rantai jangkitan Covid-19, sekali gus memboleh-



Dr Zaini (dua dari kanan) bersama Dr Selasawati (dua dari kiri) menerima sumbangan 14 unit oxygen concentrator daripada Firma Guaman Afiq & Co di HRPZ II pada Rabu.

kan pelajar-pelajar kembali semula ke sekolah.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar sebelum ini memaklumkan PICK akan memulakan vaksinasi mengikut keutamaan iaitu remaja (12 hingga 17 tahun) yang mempunyai masalah penyakit kronik, diikuti individu remaja

(12 hingga 17 tahun) tanpa masalah perubatan dan berdasarkan penurunan umur.

Kaedah tersebut dilaksanakan mengikut saranan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah kepada Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin Covid-19.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : DALAM NEGERI

Minda Pengarang

MEOR HARMAN MEOR SHAKRI

Langkawi dan eksperimen

HARI ini Pulau Langkawi buat pertama kalinya dibuka kepada orang ramai berkonsepkan gelembung pelancongan, iaitu pelancong yang datang berkunjung disyaratkan melengkapkan dua dos vaksin Covid-19 dengan syarat tambahan antaranya kebenaran polis.

Kanak-kanak dibenarkan tetapi dengan mesti bersama ibu bapa. Syarat lain rasanya tidak ada yang membezakan sebelum pandemik. Pelancong boleh bermalam dan mengikuti aktiviti asalkan mematuhi prosedur operasi standard (SOP).

Minggu lalu, Lembah Klang turut meriah dengan warganya merentas daerah ke sana sini, mengunjungi tempat riadah dengan tersemat di hati 'aku jaga SOP'. Akhirnya daripada gambar dan video yang tular dalam media sosial - ramai akhirnya terpesong.

Angka jangkitan Covid-19 yang turun ke parus 15,000 kelmarin bukan bermakna kita sudah patut merasa selesa kerana jangkitan masih berlaku. Malah, lebih dikhawatir ialah jangkitan berulang dan jangkitan baru yang melibatkan individu lengkap dua vaksin.

Perlu diingat, data Kementerian Kesihatan Malaysia menunjukkan masih ada 225,277 kes aktif, 186,094 menjalani kuarantin di rumah manakala 12,703 dirawat di hospital seluruh negara. Kematian mencatat 463 dan daripada jumlah itu 108 dalam kategori mati di rumah (BID).

Dalam satu artikel kesihatan antarabangsa, para penyelidik yang mengkaji virus Covid-19 masih ragu-ragu tentang data awal dari lapangan yang mendakwa individu lengkap vaksin Covid-19 akan memutuskan rantaian jangkitan ini.

Daripada kajian, pada awalnya mungkin, kerana virus yang tersebar bukan daripada jenis baharu seperti Delta. Namun, laporan terkini daripada beberapa negara yang akhirnya mengesahkan kebimbangan para saintis mengenainya terbukti benar apabila India berdepan gelombang kedua yang turut menjangkiti individu yang telah divaksin.

Data ujian Covid-19 yang dibuat di Amerika Syarikat, United Kingdom dan Singapura membuktikan varian Delta yang menjangkiti mereka yang lengkap dua dos vaksin membawa virus berkenaan yang hidup dalam hidung mereka.

Pakar kajian virus Universiti Wisconsin-Madison, David O'Connor dalam kajiannya memberitahu, penyebaran varian Delta lebih cepat daripada yang disangka.

O'Connor berkata, walaupun individu yang telah lengkap dua dos vaksin dapat mengelakkan diri daripada kesan sakit serius dan kematian, itu di sini ialah sesiapa yang telah divaksin dua dos masih perlu menitikberatkan soal keselamatan.

Realitinya, ramai dijangkiti Covid-19 walaupun telah menerima dua dos vaksin. Mereka boleh menjadi penyebar virus kepada orang lain sekiranya SOP diabahaskan.

Justeru, apa yang diperkatakan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Nancy Shukri adalah benar, pelancong yang tiba di Langkawi hari ini dan hari-hari seterusnya akan menentukan nasib sektor pelancongan negara khususnya pulau peranginan itu sendiri.

Ia tampak seperti eksperimen tetapi soal pokok terletak kepada pelancong dan pemain industri di pulau itu sendiri. Mereka yang akan menentukan masa depan Langkawi.

Pesanan penulis mudah, jagalah SOP.

Meor Harman Meor Shakri ialah Pengarang Berita Utusan Malaysia

Doktor pakar tidak cukup

Dari muka 1

Rusnah meminta Kementerian Kesihatan menyatakan rancangan untuk menjamin agar negara tidak mengalami *brain drained* pada masa akan datang.

Dalam pada itu, Khairy memberitahu, hampir 5,000 doktor kontrak yang terdiri daripada pakar perubatan dan pegawai perubatan telah meletakkan jawatan sejak 2016 hingga Jun 2021.

Menurutnya, ia meliputi 948 orang pakar perubatan dan 4,028 pegawai perubatan yang telah meletakkan jawatan.

"Pakar perubatan yang meletakkan jawatan adalah seramai 158 orang pada 2016, 170 orang pada 2017, 198 orang pada 2018, 229 orang pada 2019, 161 orang pada 2020 dan 32 orang setakat Jun 2021.

"Pegawai perubatan pula yang meletak jawatan seramai 874 orang pada 2016, 869 orang pada 2017, 734 orang pada 2018, 915 orang pada 2019, 534 orang pada 2020 dan 102 orang setakat Jun 2021," katanya.

Setakat ini, terdapat seramai 23,096 orang pegawai lantikan kontrak yang merangkumi 23,077 pegawai perubatan lantikan kontrak dan 19 orang pakar perubatan lantikan kontrak.

Jumlah keseluruhan pegawai perubatan adalah seramai 55,981 orang iaitu 32,885 pegawai lantikan tetap yang merangkumi 26,892 orang pegawai perubatan lantikan tetap dan 5,993 orang pakar perubatan lantikan tetap.



KHAIRY
JAMALUDDIN



NEGARA memerlukan 28,000 doktor pakar menjelang 2030 tetapi ketika ini yang ada dalam sektor awam dan swasta kira-kira 13,000 orang.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : DALAM NEGERI

80% remaja lengkap vaksin Disember

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Pasukan Bertindak Imunisasi Covid-19 Remaja (CITF-A) menyasarkan 60 peratus remaja berusia 12 hingga 17 tahun mendapat sekurang-kurangnya satu dos vaksin pada November ini dan 80 peratus remaja mendapat dos lengkap sebelum sekolah dibuka untuk sesi 2022.

Bagi tujuan itu, Kementerian Kesihatan membangunkan portal pendaftaran institusi pendidikan iaitu Portal Vaksin-

Anak-Ku sebagai langkah awal dalam pemberian vaksin Covid-19 kepada remaja dengan keutamaan mereka berumur 16 dan 17 tahun yang akan menduduki peperiksaan awam dan remaja dengan komorbid.

CITF-A yang dipengerusikan Timbalan Menteri Kesihatan 1, Datuk Dr. Noor Azmi Ghazali berkata, semua sekolah, institusi pendidikan, perlindungan dan perjuungan kerjaan dan swasta dimohon untuk mendaftarkan institusi masing-masing di portal tersebut.

Katanya, ibu atau bapa dan

penjaga kepada remaja disarankan mendaftarkan anak mereka sebagai tanggungan dalam aplikasi MySejahtera bagi membolehkan golongan itu mendapatkan sijil vaksinasi digital MySejahtera masing-masing.

"Jenis vaksin yang digunakan adalah Comirnaty (keluaran Pfizer Bio-NTech) dengan dua dos suntikan. Vaksin tersebut mendapat kelulusan berstatus pendaftaran bersyarat oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA)," katanya semalam.

Sementara itu, lima Pusat Pemberian Vaksin (PPV) yang

terpilih di Lembah Klang akan melaksanakan pendekatan *quick-win* yang membenarkan *walk-in* bermula esok sehingga 30 September ini.

Ia adalah Bangi Avenue Convention Centre (BACC), Bangi; Multimedia University (MMU), Cyberjaya; Axista Arena, Bukit Jalil; Universiti Kuala Lumpur British Malaysian Institute (UniKL British BMI), Gombak dan Ideal Convention Centre (IDCC), Shah Alam - HCO B.

"Pelajar institut pengajian tinggi (IPT) di sekitar Lembah Klang juga boleh mendapatkan suntikan vaksin di lima PPV itu," kata CITF.

Kenyataan itu menyebut, Kementerian Kesihatan (KKM) sedang membincangkan penglibatan ProtectHealth Corp Sdn. Bhd, untuk inisiatif *walk-in* ini.

"Perbincangan tertumpu kepada menyelaraskan inisiatif *walk-in* bagi populasi dewasa warga Malaysia di klinik swasta di Lembah Klang.

